

Penjawat awam perlu bina kemahiran baharu

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Mac 17, 2022 @ 1:52pm
mahanum_aziz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pentadbir sektor awam memerlukan kecekapan dan kemahiran baharu dalam mendepani persekitaran operasi yang mencabar dan sukar dijangka, demikian kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Justeru, beliau berkata, adalah perlu untuk terus meningkatkan kemahiran kepimpinan kritikal dalam kalangan penjawat awam yang boleh membimbing generasi akan datang ke arah tadbir urus yang lebih baik, pertumbuhan mampan dan pembangunan sosio-ekonomi yang inklusif.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), lebih banyak inisiatif akan diperkenalkan untuk membangunkan sektor awam yang berkesan dan bertanggungjawab bagi memenuhi jangkaan, berikutan kemajuan dalam teknologi serta peningkatan kelas pertengahan dan dinamik penduduk.

"Tiga bidang tumpuan diketengahkan oleh kerajaan untuk mencapai visi ini iaitu pengurusan bakat; kerajaan terus berpaksikan rakyat dan petunjuk prestasi utama (KPI) penjawat awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada webinar anjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bertajuk 'Economic Chat : Revisiting Public Sector Reform in Malaysia' hari ini.

Mustapa berkata, perkhidmatan awam Malaysia melalui banyak kitaran pembaharuan sejak Merdeka.

Walau bagaimanapun, jelasnya, isu terutama berkaitan pelaksanaan yang lemah telah merencatkan kejayaan untuk mencapai matlamat pembaharuan yang dilaksanakan.

Justeru, tegasnya, apa yang diperlukan adalah perubahan, yang mana sektor awam tidak boleh untuk kekal tidak berubah.

"Jangkaan awam terhadap penyampaian dan prestasi kerajaan adalah lebih tinggi pada masa ini berbanding sebelum ini apabila kita meningkat naik tangga pendapatan. Kementerian dan agensi mesti terus memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan dengan lebih cekap.

"Sejak kemunculan COVID-19, tekanan yang luar biasa telah berlaku diletakkan di atas bahu penjawat awam. Di sebalik cabaran ini, maklum balas adalah baik secara keseluruhan, dan kita mesti memberi penghormatan kepada kerja cemerlang barisan hadapan perubatan dan bukan perubatan kita," katanya.